



NEGERI SABAH

[JPAN: 700-4/2 (11)]

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 1/2017

BAYARAN IMBUHAN TETAP PERUMAHAN KEPADA PEGAWAI DAERAH DAN PENOLONG PEGAWAI DAERAH, PEJABAT DAERAH KECIL

TUJUAN

1. Pekeliling perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Kerajaan Negeri Sabah untuk membayar Imbuan Tetap Perumahan sepenuhnya kepada Pegawai Daerah dan Penolong Pegawai Daerah, Pejabat Daerah Kecil yang menduduki Rumah Khas Jawatan.

LATAR BELAKANG

2. Berdasarkan peraturan 106(2), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008, pegawai yang menduduki rumah kerajaan atau rumah yang disewa oleh kerajaan tidak layak dibayar Imbuan Tetap Perumahan.
3. Bagaimanapun, kerajaan telah bersetuju untuk membayar Bayaran Perumahan Khas sebanyak 50% daripada kelayakan Imbuan Tetap Perumahan mengikut gred jawatan Pegawai Daerah dan Penolong Pegawai Daerah, Pejabat Daerah Kecil yang menduduki Rumah Khas Jawatan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 6/2007 '**Lampiran C**'. Pegawai yang diperuntukkan Rumah Khas Jawatan perlu menduduki rumah berkenaan berdasarkan kepentingan jawatan yang disandangnya, jika pegawai tidak menduduki rumah yang diperuntukkan, pegawai tidak layak Bayaran Perumahan Khas serta Imbuan Tetap Perumahan.

BAYARAN IMBUHAN TETAP PERUMAHAN KEPADA PEGAWAI DAERAH DAN PENOLONG PEGAWAI DAERAH, PEJABAT DAERAH KECIL

4. Tugas dan tanggungjawab Pegawai Daerah dan Penolong Pegawai Daerah, Pejabat Daerah Kecil adalah untuk memastikan pengurusan pentadbiran dan pembangunan daerah dilaksanakan dengan lancar dan teratur. Selain daripada itu, Pegawai Daerah dan Penolong Pegawai Daerah, Pejabat Daerah Kecil juga bertanggungjawab terhadap keselamatan Daerah yang memerlukan Pegawai Daerah dan Penolong Pegawai Daerah, Pejabat Daerah Kecil berada di daerah tersebut pada setiap masa.

5. Oleh yang demikian, kerajaan telah menyemak semula pekeliling tersebut dan bersetuju agar Pegawai Daerah dan Penolong Pegawai Daerah, Pejabat Daerah Kecil yang menduduki rumah khas jawatan dibayar Imbuan Tetap Perumahan sepenuhnya.

PELAKSANAAN

Kadar Bayaran Imbuan Tetap Perumahan

6. Pegawai Daerah dan Penolong Pegawai Daerah, Pejabat Daerah Kecil yang menduduki rumah kerajaan atau rumah yang disewa oleh kerajaan, layak dibayar Imbuan Tetap Perumahan mengikut kadar sebenar kelayakan pegawai mengikut gred jawatan hakiki.

PEMAKAIAN

7. Pekeliling ini hanya terpakai kepada Pegawai Daerah dan Penolong Pegawai Daerah, Pejabat Daerah Kecil sahaja. Berikutan dengan itu, Pegawai Daerah dan Penolong Pegawai Daerah, Pejabat Daerah Kecil dikecualikan dari pemakaian Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 6/2007.

TARIKH KUAT KUASA

8. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh pekeling ini dikeluarkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI SUKARTI BIN WAKIMAN)
Setiausaha Kerajaan Negeri

Tarikh : 13 Januari 2017

s.k. Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan
Wisma Kewangan
88593 KOTA KINABALU

Bendahari Negeri
Jabatan Bendahari Negeri
88595 KOTA KINABALU

Pengarah Audit
Jabatan Audit
88990 KOTA KINABALU

Diedarkan kepada : Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah